



GARIS PANDUAN

**POTONGAN PERBELANJAAN DI BAWAH PERENGGAN
34(6)(m) DAN 34(6)(ma) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
BAGI MAKSUD PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. Objektif	1
2. Latar belakang	1
3. Syarat kelayakan	1
4. Perbelanjaan Yang Dibenarkan Untuk Potongan Cukai Dua Kali - Perenggan 34(6)(ma) ACP	5
5. Perbelanjaan Yang Dibenarkan Untuk Potongan Cukai (Sekali) – Perenggan 34(6)(m) ACP	6
6. Perbelanjaan Yang Tidak Dibenarkan - Perenggan 34(6)(ma) Dan Perenggan 34(6)(m) ACP	7
7. Pengiraan cukai	7
8. Prosedur Tuntutan	10
9. Pembatalan	11

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia bertujuan untuk memberikan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai, memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Garis Panduan ini adalah untuk memberi penjelasan berhubung dengan kriteria kelayakan, perbelanjaan yang dibenarkan dan pengiraan cukai pendapatan, berkenaan perenggan 34(6)(m) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) untuk syarikat yang melakukan perbelanjaan bagi mendapatkan akreditasi untuk sebuah makmal pengujian atau sebagai badan pensijilan dan berkenaan perenggan 34(6)(ma) ACP untuk syarikat yang melakukan perbelanjaan bagi mendapatkan sijil perakuan sistem kualiti dan standard serta sijil halal.

2. Latar Belakang

Perbelanjaan untuk memperoleh sijil perakuan sistem kualiti dan standard serta sijil halal bukan merupakan perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan yang layak diberi potongan cukai di bawah ACP. Oleh itu, mulai tahun taksiran 2001 peruntukan khas di bawah perenggan 34(6)(m) ACP diperkenalkan untuk membenarkan perbelanjaan tersebut diberi potongan cukai.

Bagi menggalakkan penubuhan makmal pengujian dan tentukuran atau menjadi Badan Pensijilan yang diakredit oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM), perenggan 34(6)(m) ACP telah dipinda. Mulai tahun taksiran 2004, suatu syarikat layak menuntut potongan cukai bersamaan dengan amaun perbelanjaan yang dilakukan bagi memperoleh akreditasi untuk sebuah makmal pengujian atau sebagai Badan Pensijilan.

Selain itu, dalam usaha untuk meningkatkan daya saing produk keluaran tempatan di pasaran global khususnya produk halal, amaun yang layak diberi potongan cukai juga ditingkatkan kepada dua kali ganda di bawah perenggan 34(6)(ma) ACP yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005.

3. Syarat Kelayakan

3.1. Perenggan 34(6)(m) ACP

Perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi memperoleh akreditasi untuk sebuah makmal pengujian atau sebagai badan pensijilan dibenarkan sebagai potongan cukai dengan syarat akreditasi ini dibuktikan dengan sijil perakuan yang dikeluarkan oleh JSM.

3.2. Perenggan 34(6)(ma) ACP

Perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat untuk tujuan memperoleh sijil perakuan sistem kualiti dan standard serta sijil halal dibenarkan sebagai potongan cukai dua kali dengan syarat dibuktikan dengan perakuan sijil yang dikeluarkan oleh Badan Pensijilan yang telah ditentukan oleh Menteri.

3.3. Bagi kedua-dua perenggan di atas, perbelanjaan yang dituntut oleh syarikat adalah dibenarkan dalam tempoh asas di mana sijil perakuan itu dikeluarkan. Jika proses mendapatkan perakuan tersebut melibatkan suatu tempoh yang melebihi satu tempoh asas, maka perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh asas sebelum sijil perakuan itu dikeluarkan akan disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas di mana sijil perakuan tersebut dikeluarkan.

3.4. Badan Pensijilan yang telah ditentukan oleh Menteri sebagai Agensi Pengeluar Sijil Perakuan Halal iaitu:

- i. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- ii. Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri
- iii. Majlis-Majlis Agama Islam Negeri

3.5. Tiga skim akreditasi yang ditawarkan oleh JSM adalah seperti berikut:

- i. Skim Akreditasi Makmal Malaysia/ *Laboratory Accreditation Scheme of Malaysia* (SAMM)
- ii. Skim Akreditasi Badan Pensijilan/ *Scheme for the Accreditation of Certification Bodies* (ACB)
- iii. Skim Akreditasi Badan Pemeriksa Malaysia/ *Malaysia Inspection Bodies Accreditation Scheme* (MIBAS)

3.6. Badan Pensijilan yang telah diakredit oleh JSM bagi tujuan mengeluarkan sijil perakuan sistem kualiti dan standard di bawah Skim Akreditasi Badan Pensijilan (ACB) terdiri daripada program-program berikut:

- i. Program Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)
- ii. Program Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS)
- iii. Program Sistem Pensijilan Produk (PC)
- iv. Program Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (OSH)
- v. Program Sistem Pensijilan *Hazard Analysis And Critical Control Point* (HACCP)
- vi. Program Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan (FSMS)
- vii. Program Sistem Pengurusan Hutan (FMC)
- viii. Program Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
- ix. Program Pensijilan Individu (PERSONNEL)
- x. Program Sistem Pengurusan Anti Rasuah [(Anti-Bribery Mangement System (ABMS)) – mulai Tahun 2026

Senarai nama Badan Pensijilan yang diakredit oleh JSM akan dikemas kini dari semasa ke semasa dan dipaparkan dalam Laman Sesawang JSM.

4. Perbelanjaan Yang Dibenarkan Untuk Potongan Cukai Dua Kali - Perenggan 34(6)(ma) ACP

- 4.1. Perbelanjaan yang boleh diberi potongan cukai hendaklah yang bukan berbentuk perbelanjaan modal dan dilakukan khusus bagi tujuan memperoleh sijil perakuan sistem kualiti dan standard daripada JSM serta sijil halal daripada senarai Badan Pensijilan yang ditentukan oleh Menteri.
- 4.2. Jumlah yang dibenarkan potongan adalah jumlah yang dikenakan oleh JSM atau Badan Pensijilan yang telah diakredit yang telah ditentukan oleh Menteri.
- 4.3. Yuran-yuran asas semasa yang dibenarkan potongan dua kali adalah:
 - i. Yuran permohonan.
 - ii. Yuran tahunan (untuk tahun pertama sahaja).

- iii. Yuran taksiran (assessment fee).
- iv. Lain-lain yuran yang dikenakan oleh JSM atau Badan Pensijilan untuk mendapatkan akreditasi iaitu sebelum sijil perakuan sistem kualiti dan standard dan sijil halal diperoleh oleh syarikat.

4.4. Pada amnya setelah sijil perakuan sistem kualiti dan standard serta sijil halal diperoleh, apa-apa perbelanjaan yuran yang dikenakan oleh JSM atau Badan Pensijilan dalam tahun-tahun taksiran berikutnya hanya dibenarkan potongan di bawah seksyen 33(1) ACP adalah termasuk:

- i. Yuran pengawasan tahunan (annual surveillance fee). Perbelanjaan ini adalah untuk memastikan syarikat secara berterusan mematuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh JSM selepas pengiktirafan diperoleh.
- ii. Yuran pembaharuan tahunan.
- iii. Yuran taksiran semula (re-assessment fee)
Sebelum tempoh sijil perakuan luput, yuran taksiran semula dikenakan bagi penilaian semula.
- iv. Lain-lain yuran yang dikenakan oleh JSM atau Badan Pensijilan selepas sijil perakuan sistem kualiti dan standard serta sijil halal diperoleh oleh syarikat.

5. Perbelanjaan Yang Dibenarkan Untuk Potongan Cukai (Sekali) - Perenggan 34(6)(m) ACP

- 5.1 Perbelanjaan yang boleh diberi potongan hendaklah yang bukan berbentuk perbelanjaan modal dan dilakukan khusus bagi tujuan memperoleh sijil perakuan akreditasi untuk sebuah makmal pengujian atau sebagai Badan Pensijilan yang dikeluarkan oleh JSM. Jumlah yang dibenarkan potongan adalah bersamaan jumlah yang dikenakan oleh JSM.
- 5.2 Perbelanjaan yang dibenarkan potongan adalah yuran asas semasa, yuran yang dikenakan oleh JSM sebelum dan selepas sijil perakuan dikeluarkan oleh JSM. Jenis-jenis yuran adalah sama seperti yang dinyatakan di perenggan 4.3 dan 4.4 di atas.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

6. Perbelanjaan Yang Tidak Dibenarkan - Perenggan 34(6)(ma) Dan Perenggan 34(6)(m) ACP

- i. Perbelanjaan yang berkaitan dengan konsultansi seperti perjalanan, penginapan dan makanan untuk mendapatkan sijil perakuan tersebut.
- ii. Latihan kepada pekerja bagi proses untuk mendapatkan sijil perakuan tersebut.
- iii. Lain-lain perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi tujuan memperoleh sijil perakuan dan akreditasi dan amaun perbelanjaan tersebut adalah jumlah yang tidak dikenakan oleh JSM.

7. Pengiraan Cukai

Syarikat boleh menuntut perbelanjaan yang dibenarkan di bawah perenggan 34(6)(ma) dan 34(6)(m) ACP di dalam akaun untung rugi. Perbelanjaan itu boleh dibenarkan tolakan di dalam mengira pendapatan larasan sesebuah perniagaan.

Contoh 1:

Syarikat Rasa Juara Sdn Bhd berjaya memperoleh sijil perakuan sistem kualiti dan standard Food Safety Management System (FSMS) pada 10 Oktober 2024 daripada Badan Pensijilan yang telah diakredit oleh JSM bagi program FSMS di bawah Skim Akreditasi Badan Pensijilan (ACB). Untuk memperoleh sijil perakuan tersebut, syarikat telah melakukan perbelanjaan berikut dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2024 kecuali yuran permohonan dilakukan dalam tempoh asas tahun taksiran 2023. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun.

<u>Perbelanjaan</u>	<u>RM</u>
Yuran permohonan	5,000
Yuran tahunan	5,000
Yuran taksiran [3 @ RM4,000]	12,000
Yuran konsultansi	4,000
Latihan untuk pekerja	3,000
Jumlah	<u>29,000</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Di bawah perenggan 34(6)(ma) ACP, Syarikat Rasa Juara Sdn Bhd hanya layak diberi potongan cukai dua kali bagi yuran permohonan, yuran tahunan dan yuran taksiran berjumlah RM44,000 [RM22,000 x 2] dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2024. Perbelanjaan yuran permohonan yang dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2023 disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2024 di mana sijil perakuan itu dikeluarkan. Tiada apa-apa potongan diberikan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2023. Perbelanjaan konsultansi dan latihan merupakan perbelanjaan yang tidak layak diberi potongan cukai.

Contoh 2:

Selepas memperoleh sijil perakuan sistem kualiti dan standard pada 10 Oktober 2024, Syarikat Rasa Juara Sdn Bhd telah melakukan perbelanjaan sebanyak RM6,000 bagi yuran pembaharuan tahunan dan yuran pengawasan tahunan (sekali dalam setahun) dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2025.

Syarikat hanya layak menuntut potongan cukai bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan berjumlah RM6,000 di bawah subseksyen 33(1) ACP dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2025.

Contoh 3:

NAL BioTechnology Sdn Bhd telah melakukan perbelanjaan sebanyak RM4,800 dalam tahun 2024 dan RM2,800 dalam tahun 2025 bagi mendapatkan sijil perakuan akreditasi daripada JSM untuk sebuah makmal pengujian kimia di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM). NAL BioTechnology Sdn Bhd berjaya mendapatkan akreditasi itu dan JSM telah mengeluarkan sijil perakuan akreditasi pada 1 November 2025. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Perbelanjaan syarikat tersebut diringkaskan seperti berikut:

<u>Perbelanjaan Tahun 2024</u>	<u>RM</u>
Yuran permohonan	2,000
Yuran taksiran (penilaian)	
• documentation review	1,000
• pre-assessment	1,800
Jumlah	<u>4,800</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

<u>Perbelanjaan Tahun 2025</u>	<u>RM</u>
Yuran taksiran (penilaian)	
• <i>compliance assessment</i>	1,800
Yuran tahunan	1,000
Jumlah	<u>2,800</u>

Di bawah perenggan 34(6)(m) ACP, syarikat hanya layak menuntut potongan cukai bersamaan dengan perbelanjaan berjumlah RM7,600 (RM4,800+ RM2,800) dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2025. Perbelanjaan berjumlah RM4,800 yang dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2024 disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2025 di mana sijil perakuan akreditasi itu dikeluarkan.

Contoh 4:

Sure Save Sdn Bhd menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada 21 Mei 2024, syarikat berjaya memperoleh sijil perakuan akreditasi daripada JSM sebagai suatu Badan Pemeriksa untuk aktiviti pemeriksaan kenderaan di bawah Skim Akreditasi Badan Pemeriksa (MIBAS). Bagi tahun berakhir 31 Disember 2025, syarikat telah melakukan perbelanjaan yuran pengawasan tahunan, yuran pembaharuan tahunan, yuran permohonan tambahan cawangan dan yuran taksiran untuk tambahan cawangan yang berjumlah RM6,600. Semua perbelanjaan tersebut telah dikenakan oleh JSM. Di samping itu, perbelanjaan sebanyak RM3,000 untuk konsultasi dan latihan kepada pekerja bagi penerangan berkaitan aktiviti pemeriksaan kenderaan telah dilakukan oleh syarikat dalam tahun 2025. Perbelanjaan syarikat tersebut diringkaskan seperti berikut:

<u>Perbelanjaan Tahun 2025</u>	<u>RM</u>
Yuran permohonan tambahan cawangan	2,000
Yuran taksiran (penilaian)	
• tambahan cawangan	1,800
Yuran pengawasan tahunan	1,800
Yuran tahunan	1,000
Konsultasi dan latihan pekerja	3,000
Jumlah	<u>9,600</u>

Syarikat layak menuntut potongan cukai bersamaan dengan perbelanjaan berjumlah RM6,600 dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2025. Perbelanjaan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

untuk konsultansi dan latihan kepada pekerja berjumlah RM3,000 tidak layak diberi potongan cukai bagi tahun taksiran 2025.

Contoh 5:

Titanium InfraWorks Sdn Bhd menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada 28 Mac 2025, syarikat berjaya memperoleh sijil perakuan sistem kualiti dan standard *Anti-Bribery Management System* (ABMS) daripada Badan Pensijilan yang telah diakredit oleh JSM bagi program ABMS di bawah Skim Akreditasi Badan Pensijilan (ACB). Untuk memperoleh sijil perakuan tersebut, syarikat telah melakukan perbelanjaan berikut dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2025 kecuali yuran permohonan dilakukan dalam tempoh asas tahun taksiran 2024.

<u>Perbelanjaan</u>	<u>RM</u>
Yuran permohonan	5,000
Yuran tahunan	3,000
Yuran taksiran [3 x RM4,000]	12,000
Latihan untuk pekerja termasuk penginapan hotel dan makan minum	8,000
Jumlah	<u>28,000</u>

Di bawah perenggan 34(6)(ma) ACP, Syarikat Titanium InfraWorks Sdn. Bhd. hanya layak diberi potongan cukai dua kali ganda bagi yuran permohonan, yuran tahunan dan yuran taksiran berjumlah RM40,000 [RM20,000 x 2] dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2025. Perbelanjaan yuran permohonan yang dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2024 disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2025 di mana sijil perakuan itu dikeluarkan. Tiada apa-apa potongan diberikan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2024. Perbelanjaan latihan pekerja termasuk penginapan hotel dan makan minum sebanyak RM8,000 merupakan perbelanjaan yang tidak layak diberi potongan cukai.

8. Prosedur Tuntutan

Tuntutan ke atas potongan perbelanjaan di bawah perenggan 34(6)(m) dan 34(6)(ma) ACP hendaklah dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran yang berkenaan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 8.1 Syarikat tidak perlu memohon kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) kerana tiada borang permohonan yang perlu diisi.
- 8.2 Tuntutan potongan cukai hendaklah dibuktikan melalui sijil perakuan yang diperoleh daripada JSM atau Badan Pensijilan yang telah diiktiraf oleh Menteri.
- 8.3 Sijil tersebut dan dokumen yang berkaitan dengan tuntutan potongan cukai hendaklah disimpan dengan baik oleh syarikat yang menuntut dan dikemukakan apabila dikehendaki oleh pegawai LHDNM bagi tujuan audit.

9. Pembatalan

Dengan berkuatkuasanya Garis Panduan ini, maka Garis Panduan Bagi Potongan Perbelanjaan Di Bawah Perenggan 34(6)(m) dan 34(6)(ma) Akta Cukai Pendapatan 1967 Bagi Maksud Pengiraan Cukai Pendapatan bertarikh 13 Mac 2012 adalah dibatalkan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

30 DISEMBER 2025

s.k.: LHDN.AG.600-1/5/97